



**PANDUAN PERMOHONAN
INISIATIF PENYELENGGARAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)
SELURUH NEGARA TAHUN 2026**

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Disediakan oleh:

Unit Penyelarasan Dana Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)

Bahagian Kesejahteraan Komuniti

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

ISI KANDUNGAN

1.	TUJUAN	1
2.	OBJEKTIF	1
3.	TAFSIRAN	1
4.	SKOP KERJA	2
5.	SYARAT-SYARAT KELAYAKAN	4
6.	TATACARA PERMOHONAN	5
7.	PEMATUHAN	6
8.	LAMPIRAN A: CONTOH SALINAN DOKUMEN SOKONGAN	8

1. TUJUAN

- 1.1. Panduan Permohonan ini disediakan sebagai rujukan dan tatacara permohonan Bantuan Kewangan bagi Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Seluruh Negara yang merangkumi Kerja-kerja Pembaikan, Kerja-kerja Pengubahsuaian, Kerja-kerja Penyelenggaraan, Kerja-kerja Pembinaan Bangunan Baharu dan Kerja-kerja Kecemasan, berdasarkan syarat-syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan (“Inisiatif”).
- 1.2. Kelulusan permohonan Inisiatif ini adalah tertakluk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mempunyai peruntukan yang mencukupi.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Inisiatif ini merupakan Bantuan Kewangan kepada RIBI untuk meringankan beban kewangan Organisasi dalam menanggung kos-kos pembaikan, pengubahsuaian, penyelenggaraan, pembinaan bangunan baharu dan kerja-kerja kecemasan di Premis masing-masing.

3. TAFSIRAN

- 3.1. Bagi maksud Panduan Permohonan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, tafsiran dalam Panduan Permohonan ini adalah seperti yang berikut:
 - 3.1.1 “**Bantuan Kewangan**” ertinya peruntukan wang yang disalurkan oleh Kerajaan kepada Organisasi di bawah Inisiatif bagi membiayai kos pelaksanaan Kerja-kerja Pembaikan, Kerja-kerja Pengubahsuaian, Kerja-kerja Penyelenggaraan, Kerja-kerja Pembinaan Bangunan Baharu dan Kerja-kerja Kecemasan di RIBI berdasarkan skop kerja yang telah diluluskan;
 - 3.1.2 “**Inisiatif**” ertinya Inisiatif Penyelenggaraan RIBI Seluruh Negara;
 - 3.1.3 “**Kerja-kerja Kecemasan**” ertinya kerja-kerja pembaikan yang perlu dilaksanakan dengan kadar segera akibat kerosakan atau kemusnahan yang berpunca daripada kejadian bencana alam atau lain-lain kejadian seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan sebagainya;
 - 3.1.4 “**Kerja-kerja Pembaikan**” ertinya kerja-kerja yang melibatkan pembaikan kerosakan pada Premis;

- 3.1.5 **“Kerja-kerja Pembinaan Bangunan Baharu”** ertinya kerja-kerja yang melibatkan pembinaan bangunan Premis yang baharu;
- 3.1.6 **“Kerja-kerja Pengubahsuaian”** ertinya kerja-kerja yang melibatkan pengubahsuaian, penyambungan atau penambahan struktur binaan dan ruangan baharu di Premis;
- 3.1.7 **“Kerja-kerja Penyelenggaraan”** ertinya kerja-kerja yang melibatkan penyelenggaraan komponen elektrik, mekanikal serta penggantian peralatan atau perabot dan perabot siap bina (*built-in furniture*) sedia ada yang rosak di Premis;
- 3.1.8 **“Organisasi”** ertinya pihak pengurusan RIBI termasuk wakil RIBI yang telah diberi kuasa secara sah di bawah undang-undang;
- 3.1.9 **“Premis”** ertinya mana-mana bangunan, struktur, tempat atau kawasan RIBI;
- 3.1.10 **“RIBI”** ertinya Rumah Ibadat Bukan Islam, iaitu tempat yang berdaftar dan mempunyai struktur bangunan yang dilengkapi dengan komponen serta kemudahan bagi membolehkan penganut agama menjalankan aktiviti keagamaan dan aktiviti kemasyarakatan mengikut agama masing-masing; dan
- 3.1.11 **“Urus Setia”** ertinya Unit Penyelarasan Dana RIBI di bawah Bahagian Kesejahteraan Komuniti, KPKT yang menguruskan permohonan di bawah Inisiatif dan melaksanakan naziran, penyemakan serta pemantauan di Premis.

4. SKOP KERJA

- 4.1. Permohonan bagi Inisiatif ini hanya meliputi skop kerja seperti yang berikut:
 - 4.1.1 **Kerja-kerja Pembaikan** melibatkan kerja-kerja sivil, elektrik dan mekanikal yang dilaksanakan di dalam kawasan Premis. Jenis-jenis pembaikan merangkumi:
 - (a) tempat beribadat;
 - (b) penginapan ketua agama;
 - (c) pejabat pentadbiran;
 - (d) stor/ ruang penyimpanan peralatan berkaitan aktiviti keagamaan;
 - (e) tandas;
 - (f) dewan makan;
 - (g) pagar;

- (h) longkang;
- (i) pondok;
- (j) tempat letak kereta;
- (k) pavement/ lantai konkrit/ jubin; atau
- (l) apa-apa pembaikan lain yang fikirkan sesuai yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

4.1.2 **Kerja-kerja Pengubahsuaian** merangkumi kerja-kerja mengubah suai, menyambung atau menambah struktur binaan dan ruangan baharu yang melibatkan kerja-kerja sivil, elektrik dan mekanikal di dalam kawasan Premis.

4.1.3 **Kerja-kerja Penyelenggaraan** melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan komponen elektrik, mekanikal serta penggantian peralatan atau perabot dan perabot siap bina (*built-in furniture*) sedia ada yang rosak di dalam kawasan Premis. Jenis-jenis peralatan atau perabot merangkumi:

- (a) almari dan rak (*built-in*);
- (b) kerusi dan meja;
- (c) penyaman udara;
- (d) kipas ekzos (*ventilation exhaust*);
- (e) sistem kamera litar tertutup (CCTV);
- (f) sistem penggera keselamatan;
- (g) sistem pam tangki air;
- (h) lampu solar; atau
- (i) apa-apa peralatan atau perabot lain yang difikirkan sesuai yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;

4.1.4 **Kerja-kerja Pembinaan Bangunan Baharu** melibatkan kerja-kerja sivil, elektrik dan mekanikal di dalam kawasan Premis. Kaedah pelaksanaan skop kerja pembinaan bangunan baharu dibahagikan kepada dua (2) jenis, iaitu:

(a) **Dana Tambahan Bagi RIBI Dalam Pembinaan**

Kerja-kerja pembinaan bangunan RIBI di tapak sedang berjalan dan telah mencapai suatu tahap kemajuan fizikal di mana baki kerja-kerja pembinaan RIBI dapat disiapkan dalam tahun semasa; atau

(b) **Kick-Off Bagi RIBI Belum Mula Pembinaan**

Kerja-kerja pembinaan fizikal masih belum dimulakan di tapak.

4.1.5 **Kerja-kerja Kecemasan** melibatkan kerja-kerja pembaikan yang perlu dilaksanakan dengan kadar segera akibat kerosakan atau kemusnahan

yang berpunca daripada kejadian bencana alam atau lain-lain kejadian seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan sebagainya yang memerlukan kerja-kerja kecemasan dilaksanakan.

- 4.2. Skop kerja yang melibatkan **pembaikan dan pengubahsuaian yang sedang dilaksanakan** adalah tidak dipertimbangkan.
- 4.3. Skop kerja yang melibatkan **perolehan peralatan atau perabot dan perabot siap bina (*built-in furniture*) yang baharu (bukan penggantian)** adalah tidak dipertimbangkan.
- 4.4. Jumlah Bantuan Kewangan yang boleh dipertimbangkan bagi setiap permohonan Organisasi adalah tidak melebihi **Ringgit Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000.00)**.
- 4.5. Pelaksanaan skop kerja bagi Inisiatif ini hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya pada **31 Disember tahun semasa** atau pada tarikh yang diprakerui oleh KPKT.

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 5.1. Syarat-syarat kelayakan adalah seperti yang berikut:
 - 5.1.1 Organisasi hendaklah **berdaftar di bawah entiti undang-undang** seperti Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Akta Gereja Methodist di Malaysia 1955 [*Akta 457*], Akta *Roman Catholic Bishops* (Pemerbadanan) 1957 [*Akta 492*], Akta (Perbadanan) *Synod Diocese* Malaysia Barat, 1971 [*Akta 36*], Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*], *The Trustees (Incorporation) Ordinance* (CAP.148) dan sebagainya. Pendaftaran yang dibuat dengan ROS hendaklah di bawah kategori keagamaan. Sekiranya pendaftaran dibuat selain kategori keagamaan, Organisasi hendaklah membuktikan bahawa ia turut menjalankan aktiviti keagamaan di Premis melalui Perlembagaan Pertubuhan atau gambar-gambar aktiviti keagamaan;
 - 5.1.2 Organisasi hendaklah mempunyai **akaun bank atas nama Organisasi**;
 - 5.1.3 Organisasi hendaklah mempunyai **dokumen tanah/ perjanjian sewa yang sah**;
 - 5.1.4 Jumlah Bantuan Kewangan yang dimohon hendaklah **tidak melebihi Ringgit Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000.00)**;

- 5.1.5 Inisiatif ini hanya boleh **diluluskan sekali sahaja** bagi sesebuah Organisasi dalam tahun semasa; dan
- 5.1.6 Semasa mengemukakan permohonan baharu, Organisasi hendaklah memastikan **skop kerja yang telah diluluskan di bawah Inisiatif sebelum ini telah disiapkan** dan **Laporan Akhir Siap Kerja Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam Seluruh Negara yang lengkap telah dikemukakan** kepada Urus Setia.

6. TATACARA PERMOHONAN

- 6.1. Organisasi hendaklah mengemukakan permohonan secara **atas talian** melalui **Sistem e-RIBI (eribi.kpkt.gov.my)**.
- 6.2. Organisasi hendaklah **memuat naik (upload) maklumat dan dokumen** seperti yang berikut ke dalam sistem—
 - 6.2.1 **Foto muka hadapan** Premis yang terkini;
 - 6.2.2 **Koordinat lokasi (latitude & longitude)** Premis;
 - 6.2.3 Salinan **Sijil Pendaftaran Pertubuhan** daripada ROS atau salinan sijil/ surat pendaftaran Organisasi dengan badan/ agensi berkaitan yang telah disahkan;
 - 6.2.4 Salinan **surat pengesahan akaun bank** dan **penyata akaun bank** atas nama Organisasi yang telah disahkan;
 - 6.2.5 Salinan **dokumen tanah/ perjanjian sewa** yang telah disahkan, iaitu—
 - (a) Surat Kelulusan Pewartaan/ Warta Tanah Kerajaan Persekutuan/ Negeri (bagi dokumen warta tanah yang tidak menyatakan nama RIBI, perlu disertakan Surat Pengesahan Kelulusan Pewartaan Pejabat Tanah);
 - (b) Geran Tanah;
 - (c) Carian Rasmi/ Carian Persendirian;
 - (d) Surat kebenaran Pemilik Tanah/ Ladang mengikut format yang ditetapkan. Sekiranya Pemilik Tanah telah meninggal dunia, Perintah Mahkamah perlu dikemukakan oleh pewaris yang dinamakan dalam Perintah tersebut dan kebenaran pewaris hendaklah dibuat melalui Surat Aku Janji atau *Power of Attorney*;
 - (e) Salinan Geran Tanah dan Surat Kebenaran Persatuan/ Pemegang Amanah yang membenarkan Premis beroperasi di atas tanah milik Persatuan/ Pemegang Amanah berkenaan;

- (f) Surat Pengesahan Hak Milik Tanah daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian/ Pejabat Daerah dan Tanah (Semenanjung Malaysia)/ Jabatan Tanah dan Ukur (Sabah)/ Jabatan Tanah dan Survei (Sarawak); atau
 - (g) Perjanjian sewa bangunan/ tanah.
 - 6.2.6 Anggaran kos terperinci yang **tidak melebihi Ringgit Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000.00)**:
 - (a) **Senarai Kuantiti (*Bill of Quantities* (BQ))** berkaitan kerja-kerja yang dimohon mengikut format yang ditetapkan; dan
 - (b) **Sebut Harga** berkaitan kerja-kerja yang dimohon;
 - 6.2.7 **Gambar-gambar semasa dan justifikasi** bagi setiap skop kerja yang dimohon; dan
 - 6.2.8 Untuk permohonan skop Kerja-kerja Pembinaan Bangunan Baharu bersifat *kick-off* bagi RIBI yang belum mula pembinaan, selain mengemukakan maklumat dan dokumen seperti di perenggan 6.2.2 - 6.2.7, Organisasi juga dikehendaki mengemukakan **dokumen sokongan tambahan** seperti yang berikut—
 - (a) pelan reka bentuk yang disahkan oleh Arkitek bertauliah;
 - (b) kelulusan Kebenaran Merancang (KM);
 - (c) kelulusan Pelan Bangunan (PB);
 - (d) surat/ penyata kewangan yang membuktikan terdapat sumber kewangan yang boleh menampung kos pembinaan RIBI; dan
 - (e) dokumen-dokumen lain yang membuktikan kerja pembinaan boleh dilaksanakan serta-merta.
- 6.3. Dokumen salinan boleh disahkan dengan versi cop yang berbeza selagi ia memberikan maksud yang sama, contohnya “*Certified True Copy*”, “*Original Sighted Certified True Copy*”, “Salinan Diakui Sah”, “Disahkan Dari Salinan Asal” dan lain-lain.
- 6.4. Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat-syarat kelayakan akan diterima dan diproses.

7. PEMATUHAN

- 7.1. Organisasi dengan ini dikehendaki mengambil perhatian bahawa permohonan Inisiatif Penyelenggaraan RIBI Seluruh Negara hendaklah berpandukan kepada Panduan Permohonan ini.
- 7.2. Contoh salinan dokumen sokongan adalah seperti di **Lampiran A**.

- 7.3. Sebarang pertanyaan berhubung Panduan Permohonan ini boleh dikemukakan kepada:

**Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 15, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Penyelarasan Dana Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)
Bahagian Kesejahteraan Komuniti
Emel: ribi@kpkt.gov.my)**

- 7.4. Tempoh permohonan Inisiatif Penyelenggaraan RIBI Seluruh Negara Tahun 2026 adalah bermula pada **2 hingga 31 Mac 2026**.

LAMPIRAN A:

CONTOH SALINAN DOKUMEN SOKONGAN

Contoh Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan



MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966
PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

BORANG 3
(Peraturan 5)

PERAKUAN PENDAFTARAN

Adalah diperakui bahawa

*hari ini didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah Seksyen 7
Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya ialah*

*Diperbuat dengan ditandatangani oleh saya pada
25 haribulan Januari 2005*



(DASMOND DAS MICHAEL DAS)

*b.p. Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia*

Disahkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Pertubuhan
Tarikh migrasi: 30 haribulan Oktober 2013

No. Migrasi: NSE1956/03

Dokumen ini adalah cetakan komputer. Tandatangan tidak diperlukan.

Contoh Salinan Geran Tanah

DHKK

Kanun Tanah Negara
Borang 5EK
(Jadual Keempat Belas)

PAJAKAN MUKIM

No. Hakmilik :	Cukai Tahunan : RM98.00
----------------	-------------------------

Pajakan selama 99 tahun, tempoh berakhir pada 2 April 2083.

Negeri	:	Negeri Sembilan
Daerah	:	Tampin
Bandar/Pekan/Mukim	:	Mukim Tampin Tengah
Tempat	:	KG. BARU TAMPIN
No. Lot	:	
Luas Lot	:	464 Meter Persegi
Kategori Penggunaan Tanah	:	Bangunan
No. Lembaran Piawai	:	
No. Pelan Diperakui	:	
No. Fail	:	

PENGISYTIHARAN TANAH PEKAN
Bertarikh 25 Jun 1994
No. Pemberitahuan Warta 524-94

Tanah yang diperihalkan di atas adalah dipegang untuk selama tempoh tahun di atas oleh tuan punya pada masa namanya disebut dalam rekod ketuanpunyaan di bawah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara, kepada kategori yang dinyatakan di atas dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan yang dinyatakan di bawah, sebagai balasan bagi pembayaran cukai tahunan yang sewajarnya.

Dengan perintah Pihak Berkuasa Negeri

Didaftarkan pada 27 Jun 1991



..... t.t.
Pendaftar

Pelan tanah, bagi maksud pengenalan, adalah dikepilkan pada Borang B1.

SYARAT-SYARAT NYATA

Tanah ini hendaklah digunakan untuk maksud keagamaan sahaja.

Hakmilik : 050606PM00000206
Tarikh : 25/09/2006
No. Versi : 4
No. Salinan :
Muka Surat : 1 | 2 |

N 2220569

DHKK

SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN

Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadaikan melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Tiada

Hendaklah dipenuhkan apabila hakmilik dikeluarkan bagi sambungan

Tarikh mula-mula pemberimilikan : 3 April 1984
No. hakmilik asal (Tetap atau sementara) : HSM 686 Mukim Tampin Tengah
No. hakmilik yang terdahulu daripada ini :
(jika berlainan daripada di atas)

Nama RIBI ↓

REKOD KETUANPUNYAAN

sbg. Pemegang Amanah 2, 1/1 bhgn.

KG BARU TAMPIN 73000 TAMPIN NEGERI SEMBILAN

REKOD URUSAN

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

KAWASAN MAJLIS DAERAH TAMPIN
No Pers 48/2006 Pembedulan di bawah seksyen 380 KTN
didaftarkan pada 22 September 2006 jam 09:48:56 pagi



Pendaftar

Hakmilik : 050605PM00000206
Tarikh : 25/09/2006
No. Versi : 4
No. Salinan :
Muka Surat : 2 | 2 |

DHEK

Kanan Tanah Negara
Borang B1
 (Jadual Keempat Belas)

PELAN TANAH
 (Hakmilik Tetap)

Saya mengesahkan bahawa pelan yang dikepikan di bawah ini adalah salinan benar pelan tanah yang diperakui.
 Butiran hakmilik adalah seperti berikut :

Jenis dan No. Hakmilik	: PM 206
Negeri	: Negeri Sembilan
Daerah	: Tampin
Bandar/Pekan/Mukim	: Mukim Tampin Tengah
Jenis Hakmilik	: Pajakan Mukim
No. Lembaran	:
No. Pelan Diperakui	:
No. Lot	:
Luas Lot	: 464 Meter Persegi

Daerah : Tampin
 Mukim : Tampin Tengah
 No. Lot :
 Syil :
 Skala : 1 Rantai : 1 Inchi



40 JUN 2001
 Bertarikh pada haribulan.....



Contoh Salinan Surat Pengesahan Akaun Bank



Tarikh : 19hb Januari 2026

Kepada,

BAHAGIAN YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PENGESAHAN BERKAITAN AKAUN SEMASA

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kami dengan ini mengesahkan butir-butir akaun simpanan seperti di bawah telah dibuka di bank kami.


2.1 **BUTIRAN AKAUN SEMASA**

(a) No Akaun :
(b) Tarikh Buka Akaun : 02/09/02
(c) Nama Syarikat :
(d) No IC/ BR No :

← Nama RIBI

Sekian, terima kasih.

Tandatangan
Nama dan Cop Rasmi

.....
.....


Contoh Salinan Penyata Akaun Bank



Contoh Senarai Kuantiti (*Bill of Quantities - BQ*)

INISIATIF PENYELENGGARAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) SELURUH NEGARA TAHUN 2026 SENARAI KUANTITI (BQ)/ SEBUT HARGA

NAMA RIBI:

Bil.	Item Kerja	Unit	Kuantiti (a)	Kadar (b)	Jumlah (RM) (a x b = c)
A	<u>Kerja-kerja Sivil</u>				
	Penggantian Bumbung di Dewan Utama				
1	To supply and install metal structure for polycarbonate	m2			0.00
2	To supply and install polycarbonate roofing 3mm thk	m2			0.00
3	To supply and install s/s rain gutter and pvc down pipe	m2			0.00
	Penggantian jubin lantai dan dinding di tandas				
1	To demolish existing tiles and to install new floor at one toilet - Floor with ceramic tiles (1ftx2ft).	m2			0.00
2	To demolish existing tiles and to install new wall tiles at one toilet - Wall with ceramic tiles (1ftx2ft).	m2			0.00
B	<u>Kerja-kerja Elektrik</u>				
1	Lighting point wiring c/w switch and lamp set	No.			0.00
2	Ceiling fan point wiring c/w switch and ceiling fan set	No.			0.00
3	Power outlet point wiring c/w 13A SSO	No.			0.00
4	Aircond point wiring c/w switch 15A SSO	No.			0.00
5	Supply and install Distribution Board (DB)	No.			0.00
C	<u>Kerja-kerja Mekanikal</u>				
1	Supply and install air conditioner 1.0HP	No.			0.00
2	Supply and install air conditioner 2.0HP	No.			0.00
3	Supply and install stainless steel water tank 1000L	No.			0.00
D	<u>Kerja-kerja Penggantian</u>				
1	Supply and install NVR XX Channel	No.			0.00
2	Supply plastic banquet chairs	No.			0.00
3	Supply plastic round tables (5ft)	No.			0.00
4	Supply and install kitchen cabinet (10ft x 10ft x 1ft)	No.			0.00
Jumlah Keseluruhan (A + B + C + D)					0.00

Nota:

- (1) Jumlah Keseluruhan tidak boleh melebihi Ringgit Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000.00).
 (2) Setiap item kerja hendaklah merangkumi kos upah, kos harga bahan dan kos sewa jentera.